

Mahathir: Kerajaan akan beli 'Skyhawk'

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SHAH ALAM, Jumaat —
Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan Kerajaan akan membeli jet penjuang "skyhawk" untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) tidak lama lagi.

Belliau menegaskan demikian ketika ditanya sama ada benar Kabinet telah memutuskan untuk membeli jet penjuang jenis tersebut untuk Angkatan Tentera Malaysia.

"Memang benar Kerajaan telah mengambil keputusan sedemikian. Tapi jumlah dan masa pembelian itu masih belum dipastikan," katanya kepada para pemberita setelah melawat syarikat United Motor Works (Malaysia) Holdings Berhad, di sini hari ini.

Adalah difahamkan, sekurang-kurangnya 50 jet penjuang "Skyhawk" akan dibeli dari sebuah syarikat di Amerika Syarikat tidak lama lagi.

Latihan

Kapalterbang itu juga dipercayai akan ditempatkan di pengkalan TUDM Kuantan untuk menggantikan jet-jet Tebuan yang ada sekarang.

Berikutan dengan pembelian ini juga, jet-jet Tebuan akan hanya digunakan untuk latihan penerbangan TUDM sahaja.

Kepada satu pertanyaan, siapakah yang membiayai pembelian "Skyhawk" itu, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan: "Ini adalah rahsia Kerajaan."

Pembelian jet-jet tersebut juga merupakan salah satu usaha Kerajaan memodenkan Angkatan Tenteranya.